

## Tuhan Adalah Maha Adil Dan Maha Penyayang

- Tuhan tidak perlu mengorbankan diri-Nya untuk mengampunkan dosa
- Tuhan mengadili seseorang berdasarkan perbuatan sendiri dan setiap orang bertanggungjawab ke atas perbuatan sendiri.
- Manusia dibezakan dan dapat meraih kasih sayang Tuhan berdasarkan kepercayaan, kebaikan dan ketakwaan – bukan berdasarkan bangsa, kekayaan atau status sosial.

## Sifat Jesus (Isa alaihi salam)

Sebahagian orang Kristian mendakwa “Jesus itu tuhan” – iaitu Jesus adalah jelmaan tuhan di bumi dan tuhan menjelma sebagai manusia.

Walau bagaimanapun, menurut Bible, Jesus telah dilahirkan, makan, tidur, sembahyang dan mempunyai pengetahuan yang terbatas – sifat yang tidak layak bagi Tuhan. Tuhan memiliki sifat kesempurnaan sedangkan manusia tidak dan manusia mempunyai banyak kekurangan. Tidak mungkin satu benda boleh memiliki dua sifat yang berlawanan dalam satu masa. Ini adalah mustahil.

Mungkin ada yang bertanya, “jika Tuhan boleh berbuat apa-apa, kenapa Dia tidak boleh menjadi manusia?”. Menurut takrif, Tuhan tidak akan melakukan perbuatan yang tidak layak bagi Tuhan. Jika Tuhan telah menjadi manusia dan bersifat sebagai manusia, dia tidak boleh jadi Tuhan.

Bible juga mempunyai banyak ayat dimana Jesus berkata dan berbuat seolah-olah Tuhan adalah kewujudan yang lain. Contohnya, “Jesus menurunkan muka ke bawah (sujud) dan berdoa” (Matthew 26:39). Jika Jesus adalah Tuhan, adakah Tuhan bersujud dan berdoa? Kepada siapa Jesus berdoa?

Sešetengah orang Kristian mendakwa bahawa “Jesus adalah Anak Tuhan”; apakah maksud gelaran ini sebenarnya?

Pastinya Tuhan tidak mempunyai anak, apatah lagi anak yang berjirim. Sebaliknya, istilah “Anak Tuhan” digunakan dalam Bible yang awal untuk merujuk kepada ‘orang yang soleh’. Di dalam kitab Perjanjian Lama (Old Testament), ia digunakan untuk merujuk pada orang yang soleh seperti David (Daud), Soloman (Sulaiman) dan Israel (Yaakub) – bukan khas untuk Jesus.

“...Israel adalah anak lelaki pertamaku,” (Exodus 4:22) sebagai contoh.

Apabila menjelaskan konsep Tuhan dalam Islam, adalah penting untuk membincangkan kedudukan Jesus kerana terdapat kekeliruan meluas tentang sifat Jesus.

“Tidaklah sesuai bagi Allah untuk mempunyai anak, maha suci Dia...” Quran 19:35

Islam menjelaskan siapakah Jesus yang sebenar dan masih mengekalkan kepercayaan suci tentang Tuhan dan keagungan-Nya. Jesus adalah seorang Nabi yang mulia, diutuskan oleh Tuhan untuk mengajak manusia supaya menyembah hanya pada Tuhan.

## Hanya Tuhan Sahaja Yang Layak Disembah

“Dan sembahlah Allah dan janganlah mempersekutukan-Nya.” Quran 4:36

Di dalam Islam, semua doa dan ibadah ditujukan khas untuk Allah sahaja. Tidak ada yang layak disembah; patung, kubur, matahari, bulan, binatang, Nabi, wali, malaikat, paderi atau orang alim. Semua ini adalah ciptaan-Nya, kemampuan mereka adalah terhad dan tidak sempurna, sedangkan Allah adalah sempurna.

## Tuhan disembah secara terus

Tuhan tidak perlu sebarang sekutu atau pengantara. Setiap orang sentiasa mempunyai kemudahan untuk menyembah Tuhan kerana Dia mendengar semua pujian dan seruan. Menyembah Allah secara tidak terus kepada-Nya (contohnya melalui berhala, patung atau pengantara lain) adalah menyekutukan Allah dan menyekutukan ibadah kepada Allah, sedangkan hanya Dia sahaja yang layak disembah.

## Semua Nabi Menjemput Manusia Supaya Menyembah Allah

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus kepada setiap umat seorang rasul dengan menyeru, ‘Sembahlah Allah dan jauhi tuhan palsu.’” Quran 16:36.

Semua orang Islam beriman dengan para nabi yang Allah utuskan. Para nabi termasuklah Adam, Noh, Ibrahim, Musa, Jesus (Isa) dan Muhammad membawa mesej yang sama – menyeru manusia supaya beriman dan menyembah Tuhan yang Esa dan sebenar.

## Tujuan Hidup Adalah Untuk Menyembah Tuhan

Tujuan muktamad dalam hidup adalah mengakui keagungan Tuhan, mewujudkan hubungan terus kepada-Nya dan menyembah Dia sahaja. Konsep beribadat dalam Islam bukan terbatas kepada upacara keagamaan seperti solat dan puasa tetapi termasuk semua perbuatan yang dikasihi Allah seperti berakhlak mulia, berlaku jujur, menegakkan keadilan, bersabar dan menolong mereka yang memerlukan.

Kesimpulannya, asas agama Islam adalah beriman dengan keesaan dan keistimewaan Tuhan yang Maha Kuasa, Pencipta, Tuhan kepada semua dan memiliki sifat yang sempurna. Segala penyembahan hanya layak bagi-Nya. Disinilah terletak kejayaan dalam hidup ini dan akhirat.

Ihsan: [islamicpamphlets.com](http://islamicpamphlets.com)  
ISLAMIC OUTREACH ABIM CENTRE  
Masjid Negara, Jalan Perdana, 50480 Kuala Lumpur Malaysia  
Tel. +6011-1429 7281, FB: MTGprogram  
Terima Kasih Kerana Menyumbang Kepada:  
ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA  
BANK ISLAM (M) BERHAD A/C: 1212-2010-004248



# Konsep Tuhan Dalam Islam

Tidak ada yang lebih agung daripada Pencipta

pelajari  
asasnya



# Wujudkah Tuhan?

Terdapat banyak sebab munasabah untuk mempercayai kewujudan Tuhan.

Tiga sebab mudah dijelaskan di bawah:

## 1. Teraturnya alam semesta (Universe)

Bayangkan kita berjalan di tepi pantai dan terjumpa seutas jam tangan di atas pasir. Percayakah anda jam tersebut telah tercipta dengan sendiri?

Anda tidak akan merumuskan bahawa jam tangan itu timbul daripada pasir itu secara rambang. Semua bahagian jam yang begitu rumit itu tidak mungkin tercipta dengan mudah daripada bahan yang terbenam dalam bumi. Jam itu pasti mempunyai pengilangnya. Jika jam itu memberi waktu yang tepat, pasti pengilang itu bijak. Alam semula jadi tidak mungkin boleh menghasilkan jam yang berfungsi.

Fikirkanlah tentang bumi. Masa pergerakannya mengelilingi matahari begitu terkawal sehingga saintis boleh mengira dengan tepat waktu matahari terbit dan matahari terbenam. Apabila jam memerlukan pengilang yang bijak untuk mendapatkan waktu yang tepat, begitu juga bumi, semestinya mempunyai pencipta yang bijak, untuk mengelilingi matahari dengan masa yang tepat. Bolehkah ini berlaku tanpa sebarang kawalan?

Sama seperti apabila kita melihat keadaan yang teratur, hukum dan sistem yang tepat dalam diri kita serta seluruh universe. Tidak masuk akal jika universe ini tiada Pengaturnya. 'Pengatur' ini adalah terbaik dijelaskan dengan kewujudan Tuhan yang bertanggungjawab terhadap universe ini.

## 2. Permulaan Universe

Sains moden mengakui bahawa universe mempunyai permulaan. Ini berdasarkan penemuan mutakhir bahawa universe sedang berkembang dan jika kita kembali kepada masa lampau, universe adalah menguncup – menunjukkan bahawa universe mempunyai permulaan. Terdapat tiga kemungkinan untuk menjelaskan tentang permulaan universe, sama ada:

1. Universe wujud dari tiada
2. Universe mencipta dirinya, atau
3. Universe ini dicipta

*Pengalaman insani menunjukkan bahawa setiap benda ada permulaannya dan tidak ada benda yang wujud daripada tiada.*

Untuk perkara yang kedua, pada logiknya, tiada apa pun boleh berbuat apa-apa tanpa ia sendiri wujud. Perkara ketiga adalah penjelasan paling rasional: wujudnya satu zat yang mulia dan bijak, iaitu Tuhan, Pencipta universe.

Ada yang bertanya pula, "siapa yang mencipta Tuhan?". Tuhan, Maha Pencipta, adalah berbeza daripada ciptaan-Nya. Jika ia sama seperti ciptaan-Nya dan memerlukan pencipta, berderetlah bilangan pencipta, di mana keadaan ini tidak wujud. Tuhan adalah di luar masa dan jirim universe. Tuhan adalah sentiasa wujud tanpa permulaan; jadi persoalan siapa yang mencipta Tuhan, tidak rasional.

## 3. Wahyu Dari Tuhan

*Jika Tuhan telah mewahyukan sebuah kitab panduan untuk manusia, sudah pasti kitab itu sendiri membuktikan kewujudan Tuhan.*

Terdapat tanda jelas bahawa kitab Islam, al-Quran, adalah perkataan Tuhan. Berikut adalah rumusan ringkas yang menyokong kenyataan ini:

- Al-Quran yang telah diwahyukan lebih dari 1400 tahun lalu mengandungi banyak fakta saintifik yang tidak diketahui orang ketika itu dan hanya ditemui mutakhir ini oleh sains moden. Ini termasuk: air adalah asal segala kejadian (Quran 21:30); perluasan universe (Quran 51:47) serta matahari dan bulan memiliki orbit masing-masing (Quran 21:33).
- Al-Quran mempunyai banyak fakta sejarah yang tidak diketahui orang ketika itu dan memiliki ramalan-ramalan yang telah terbukti benar.
- Al-Quran adalah suci daripada sebarang kesalahan atau percanggahan.
- Al-Quran adalah terpelihara setiap satu perkataannya, sejak diwahyukan dalam bahasa asalnya bahasa Arab, tidak seperti kitab lain.
- Mesej al-Quran adalah mudah, suci dan sejagat, sesuai dengan fitrah manusia tentang Tuhan yang Maha Perkasa.
- Al-Quran adalah diwahyukan kepada Nabi Muhammad yang ummi (tidak boleh membaca dan menulis), namun al-Quran mengandungi satu gaya bahasa Arab yang istimewa dan terkenal sebagai kemuncak keindahan bahasa Arab yang linguistik.

*Banyak keistimewaan dan keajaiban yang tertulis di dalam al-Quran, jelas membuktikan bahawa al-Quran itu datang daripada Tuhan.*

## Siapakah Tuhan?

*"Dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Esa (satu), tidak ada Tuhan kecuali Dia." Quran 2:163*

'Allah' adalah nama peribadi bagi Tuhan yang satu, dan sebenar. Yang lain daripada Tuhan tidak boleh dipanggil Allah.

Istilah Allah ini tidak mempunyai jamak atau jantina, tidak seperti perkataan English 'God' yang ada jamak (gods) dan betina (goddess). Penggunaan istilah istimewa ini membuktikan betapa tegasnya Islam dalam mempercayai kesucian Tuhan yang satu.

Keindahan utama Islam adalah bahawa ia mengakui dengan sepenuhnya kesempurnaan, keperkasaan dan keistimewaan Tuhan tanpa sebarang tolak ansur. Ajaran Islam yang sebenar menekankan tentang sifat keagungan Tuhan.

## Tuhan Adalah Esa (Satu) Dan Unik

- Tuhan tidak ada sekutu, tidak ada yang setara dan tidak ada tandingan.
- Tuhan tidak ada bapa, emak, anak lelaki, anak perempuan atau isteri.
- Hanya Tuhan sahaja yang layak disembah.
- Jika ada lebih daripada satu Tuhan, ia membayangkan kelemahan kuasa-Nya atau penguasaan-Nya, mempunyai pesaing, terpaksa berkompromi dan memerlukan persetujuan tuhan lain.

## Tuhan Adalah Maha Kuasa

- Tuhan mempunyai kuasa penuh dan kekuatan penuh terhadap semua perkara.
- Setiap perkara patuh dan bergantung sepenuhnya kepada-Nya.
- Ketaatan kita kepada Tuhan tidak menambah kekuatan-Nya dan penderhakaan kepada Tuhan tidak mengurangkan kekuatan-Nya sedikit pun.

## Tuhan Adalah Maha Tinggi

- Tidak ada yang lebih tinggi atau setanding dengan-Nya.
- Sifat Tuhan tidak sama dengan sifat mahluk-Nya.
- Tidak ada bahagian Tuhan wujud pada seseorang atau sesuatu benda.
- Tuhan adalah sempurna dan tidak ada yang boleh membatasi-Nya, seperti perlu berehat pada hari ketujuh setelah mencipta alam semesta, sebagaimana yang didakwa oleh agama lain.